

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 17 MEI 2006, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 8**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1131-L392  
**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf Jalan Utama laluan 8 daripada seksyen 203-217 (sempadan Pahang ke Bandar Gua Musang) kerana jalan tersebut kerap berlakunya kemalangan jalan raya.
2. PN-1131-L180  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) telah diberikan kuasa autonomi sepenuhnya untuk menstruktur semula syarikat supaya menjadi sebuah syarikat yang menguntungkan. Jika ya, adakah keputusan mereka untuk membuang pekerja seramai lebih kurang 4,000 orang perlu mendapatkan kelulusan terdahulu daripada Kerajaan.
3. PN-1131-L143  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk memperketatkan syarat-syarat penyiaran televisyen swasta dengan:-
  - (a) menggariskan panduan berkenaan pakaian, imej dan disiplin artis tempatan agar menepati budaya Malaysia; dan
  - (b) membatalkan lesen penyiaran televisyen swasta yang ghairah menonjolkan program-program barat yang melampau dan lucah di kaca televisyen.
4. PN-1131-L589  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah belia India yang diambil untuk berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia (darat, laut dan udara).

5. PN-1131-L229  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan keadaan polarisasi kaum di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi. Ini terbukti dalam kajian yang dilakukan bahawa pelajar pelbagai kaum lebih selesa berinteraksi hanya sesama kaum sendiri.
6. PN-1131-L443  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil Kerajaan dari Petronas pada setiap tahun 2001-2005, dan apakah hasil tambahan kepada Kerajaan dari Petronas kerana kenaikan harga minyak mentah pada tahun 2004 dan 2005.
7. PN-1131-L788  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
  - (a) setakat ini berapa banyakkah majikan yang telah didenda dan dikompaun atau diheret ke mahkamah kerana gagal mencarum wang simpanan pekerja ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); dan
  - (b) setakat manakah pemantauan yang dijalankan bagi memastikan syarikat-syarikat gergasi dan bertaraf multi-nasional yang ada di negara ini mematuhi akta KWSP.
8. PN-1131-L524  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah perkembangan terhadap usaha-usaha Kerajaan untuk memperkenalkan bio-diesel sebagai alternatif kepada bahan api. Bilakah usaha-usaha ini dapat dikomersialkan sepenuhnya.
9. PN-1131-L496  
**Tuan Chiam Yong Tee** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bentuk bantuan yang diberi oleh Tabung Bantuan Perubatan. Nyatakan jumlah permohonan yang diterima pada tahun 2005 dan berapakah bilangan permohonan yang berjaya mengikut kaum dan negeri.
10. PN-1131-L622  
**Dato' Rhina Bhar** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan konsep bina dahulu dan jual kemudian projek-projek perumahan di negara kita. Jika tidak, apakah halangan-halangan yang wujud untuk melaksanakan perkara tersebut.

11. PN-1131-L200  
**Datin Naomi Chong Set Mui** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai sebarang rancangan untuk menubuhkan badan pemerhati untuk mengawal 4 universiti penyelidikan yang terpilih bagi memastikan ketelusan dan peruntukan-peruntukan yang diberikan untuk tujuan penyelidikan berkaitan dibelanjakan dengan bijaksana dan hanya kelengkapan-kelengkapan yang bersesuaian sahaja akan dibeli.
12. PN-1131-L400  
**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah pemantauan Kementerian terhadap fleksibiliti waktu rawatan di klinik-klinik Kerajaan dan kes-kes kecemasan memandangkan seseorang pesakit terpaksa mengambil masa yang lama untuk mendapatkan satu rawatan.
13. PN-1131-L270  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Proton Holding rugi RM158 juta. Apakah kerugian itu membuktikan industri 'kereta nasional negara' sudah tidak lagi relevan dalam industri automotif dunia yang kompetitif. Berapa banyakkah hutang yang terpaksa ditanggung oleh Proton kini.
14. PN-1131-L642  
**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumpa pengeluaran lesen memandu palsu, Piring Cukai Jalan (Road Tax) palsu dan kad pendaftaran kenderaan palsu yang telah dikesan antara tahun 2001 hingga 2005 dan jumlah tanggungan kerugian akibat daripadanya serta strategi bagi mengatasi masalah tersebut.
15. PN-1131-L609  
**Datuk Ratnam a/l Muthiah** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada 'beef valley' yang telah dicadangkan di Negeri Sembilan telah bermula operasinya dan jika sudah:-
  - (a) berapa syarikat tempatan dan luar negara yang telah dipilih; dan
  - (b) syarat yang telah ditetapkan untuk menceburi rancangan 'beef valley' dan cara terperinci rancangan ini beroperasi.
16. PN-1131-L213  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membina perpustakaan di setiap daerah demi menjayakan kempen membaca di kalangan rakyat. Berapakah jumlah perpustakaan yang akan dibina dan RMK-9.

17. PN-1131-L477  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menggalakkan petani-petani moden untuk mengkomersialkan tanaman kontan seperti serai, kunyit, halia, jagung dan lain-lain.
18. PN-1131-L572  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah usaha dan rancangan yang akan dilakukan oleh Kementerian dalam membantu graduan-graduan mendapatkan pekerjaan sebaik sahaja mereka menamatkan pengajian di IPTA mahupun IPTS.
19. PN-1131-L466  
**Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk meningkatkan taraf ekonomi kaum India kepada 3%.
20. PN-1131-L653  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan masih mengguna pakai peratusan 30% kuota pengambilan pekerja-pekerja bumiputera bagi sektor-sektor swasta.
21. PN-1131-L429  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah keselamatan yang telah diambil untuk memastikan beg-beg penumpang kapal terbang dan pelancong-pelancong di KLIA tidak diambil oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.
22. PN-1131-L758  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh DBKL untuk membina dengan lebih banyak lagi tempat meletak kenderaan secara bertingkat di tanah-tanah milik Kerajaan untuk membolehkan pemilik atau pemandu kenderaan meletakkan kenderaan mereka di mana secara tidak langsung dapat mengelakkan daripada masalah "parking haram".
23. PN-1131-L315  
**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyakkah lagi kes pembunuhan berprofil tinggi yang masih dalam siasatan dan belum dapat diselesaikan.

24. PN-1131-L509  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah dasar Kerajaan bagi memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan negara. Dalam konteks ko-kurikulum pelajaran sekolah rendah, adakah mengajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris menepati roh perlembagaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.
25. PN-1131-L297  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai kod etika bagi artis-artis yang berlakon dan menyanyi yang disiarkan melalui TV dalam usaha membendung hakisan budaya murni di kalangan generasi remaja kita.
26. PN-1131-L370  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan -
- (a) setelah 5 tahun Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Orang Asli (2001-2010) dilaksanakan apakah kesan yang ketara terhadap pencapaian akademik, motivasi, sikap dan daya saing di kalangan pelajar yang terlibat di peringkat pra-sekolah hingga peringkat pengajian tinggi; dan
  - (b) apakah strategi yang telah dikenal pasti dan tindakan untuk meningkatkan pencapaian prestasi akademik, memperkasa daya tahan dan daya saing di kalangan pelajar yang terlibat.
27. PN-1131-L248  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapa ramaikah usahawan wanita yang bermula dari Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sudah menjadi ahli korporat wanita yang berjaya. Sekiranya terdapat statistik, nyatakan jumlahnya bagi tahun 2003, 2004 dan 2005.
28. PN-1131-L735  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan lebih terperinci berapa ramaikah kakitangan bank yang telah diberhentikan perkhidmatan dan berapakah jumlah kaum bumiputera yang terlibat dalam skim ini.

29. PN-1131-L551  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada pihak Kerajaan mempunyai langkah-langkah yang lebih drastik untuk menghapuskan atau membanteras gejala-gejala 'Along' yang sangat ketara dan berleluasa. Mereka mengiklankan khidmat memberi hutang kepada orang ramai menerusi media akhbar dan cetak dengan berleluasa. Adakah Kerajaan mempunyai pelan atau langkah-langkah untuk menggubal, 'The Moneylenders Act' agar pengiklanan serta penyalahgunaan lain seperti memeras ugut si peminjam dan sebagainya dapat dihentikan agar mereka yang memegang lesen tersebut lebih beretika dan patuh kepada undang-undang.
30. PN-1131-L656  
**Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberikan bantuan penuh kepada semua anak anggota tentera dan bekas tentera bagi menerima bantuan buku teks dan yuran peperiksaan secara percuma.
31. PN-1131-L800  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian supaya elaun-elaun yang dibayar kepada kakitangan dari Sabah khususnya guru-guru yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia, adalah seragam dan sama dengan apa yang diterima oleh rakan-rakan mereka dari Semenanjung yang berkhidmat di negeri Sabah.
32. PN-1131-L547  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan selain getah dan kelapa sawit, adakah Kerajaan sedang berusaha untuk mencari komoditi lain sebagai alternatif.
33. PN-1131-L355  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah insentif-insentif yang telah disediakan bagi kakitangan-kakitangan Kerajaan Persekutuan dan bantuan-bantuan kepada keluarga mereka yang ditugaskan di kawasan sempadan negeri Sarawak.
34. PN-1131-L771  
**Tuan Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah semua industri yang mengeluarkan sisa toksik di negara ini didaftarkan di bawah Kementerian dan apakah pengawalan dibuat kepada syarikat-syarikat ini untuk melupuskan sisa toksik hanya di tempat yang dikhaskan dan ditetapkan sahaja.
35. PN-1131-L132  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status dan tahap kemajuan berhubung projek FELDACITY.

36. PN-1131-L379  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan jawatankuasa bagi memantau kelakuan lokum pengamal perubatan dan pergigian. Sekiranya ada, bagaimana orang ramai hendak membuat aduan apabila mempunyai masalah.
37. PN-1131-L727  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan usaha-usaha yang akan diambil untuk mengatasi jurang digital di antara sekolah-sekolah dan pelajar-pelajar di bandar dan luar bandar. Apakah rancangan khusus yang akan disediakan dan apakah sasaran Kementerian dalam peratusan penggunaan komputer di bandar dan luar bandar yang kini hanya pada 24% di bandar dan 0.5% hingga 1.1% di luar bandar.
38. PN-1131-L334  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasionalnya Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan nilai RM seperti yang dinyatakan oleh Gabenor Bank Negara Malaysia baru-baru ini untuk mengatasi masalah kenaikan harga minyak.
39. PN-1131-L683  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pada akhir tahun lepas Kementerian ada mengumumkan bahawa 10% daripada kos projek pembangunan akan dikhaskan untuk kontraktor kelas 'F'. Dengan perbelanjaan RM3 Billion pada tahun 2006 dan hampir RM30 Billion dalam RMK-9, sejauh manakah pihak Kementerian melaksana serta mengotakan janji tersebut.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** akan mencadangkan:-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesebelas.”

2. **YAB. Perdana Menteri** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini,

**menyedari** akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

**merestui** usaha Kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

**meluluskan** Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah Negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

**bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan Negara bersama-sama Kerajaan ke arah menjadi Negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.”

- |    |               |   |                               |
|----|---------------|---|-------------------------------|
| 3. | (D.R. 7/2006) | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2006          | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 4. | (D.R. 5/2006) | Rang Undang-undang Perkhidmatan Air 2006                    | “                             |
| 5. | (D.R. 4/2006) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 | “                             |

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

| <b><u>TAHUN</u></b><br><b><u>2006</u></b> | <b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>   | <b><u>TARIKH</u></b><br><b><u>DIBENTANGKAN</u></b> |
|---|---|--|
| ST.7                                      | Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta 642)<br>Pembentangan Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Pertama) 2005.   | 16 Mei 2006  |
| ST.30                                     | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959<br>Perintah Jalan Persekutuan (Laluan Keluar dan Masuk Dari Damansara Perdana dan Mutiara Damansara Ke Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat-Hubungan Penchala) 2006.       | 16 Mei 2006  |
| ST.38                                     | Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989<br>-Perintah Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (Pengecualian) 2006  | 16 Mei 2006  |
| ST.39                                     | Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989<br>-Perintah Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (Pengecualian)(No.2) 2006  | 16 Mei 2006  |
| ST.40                                     | Perintah Audit (Pindaan Jadual Pertama) 2006.   | 16 Mei 2006  |
| ST.48                                     | Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Sumbangan dan Tajaan Tunai Kepada Pertunjukan Kebudayaan atau Kesenian Yang Diadakan Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2005<br>-P.U.(A) 380 bertarikh 6 Oktober 2005 | 16 Mei 2006  |
| ST.49                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.47) 2005<br>-P.U.(A) 386 bertarikh 13 Oktober 2005   | 16 Mei 2006  |
| ST.50                                     | Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Elaun Graduan Menganggur) 2005<br>-P.U.(A) 387 bertarikh 13 Oktober 2005  | 16 Mei 2006  |

| <b><u>TAHUN</u></b><br><b><u>2006</u></b> | <b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>  | <b><u>TARIKH</u></b><br><b><u>DIBENTANGKAN</u></b> |
|---|--|--|
| ST.51                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.48)<br>2005<br>-P.U.(A) 428 bertarikh 27 Oktober 2005 | 16 Mei 2006  |
| ST.52                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.49)<br>2005<br>-P.U.(A) 429 bertarikh 27 Oktober 2005 | 16 Mei 2006  |
| ST.53                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.50)<br>2005<br>-P.U.(A) 430 bertarikh 27 Oktober 2005 | 16 Mei 2006  |
| ST.54                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.51)<br>2005<br>-P.U.(A) 439 bertarikh 3 November 2005 | 16 Mei 2006  |
| ST.55                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.52)<br>2005<br>-P.U.(A) 440 bertarikh 3 November 2005 | 16 Mei 2006  |
| ST.56                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.53)<br>2005<br>-P.U.(A) 441 bertarikh 3 November 2005 | 16 Mei 2006  |
| ST.57                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.54)<br>2005<br>-P.U.(A) 442 bertarikh 3 November 2005 | 16 Mei 2006  |
| ST.58                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.55)<br>2005<br>-P.U.(A) 443 bertarikh 3 November 2005 | 16 Mei 2006  |
| ST.59                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.56)<br>2005<br>-P.U.(A) 444 bertarikh 3 November 2005 | 16 Mei 2006  |
| ST.60                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.57)<br>2005<br>-P.U.(A) 445 bertarikh 3 November 2005 | 16 Mei 2006  |
| ST.61                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.58)<br>2005<br>-P.U.(A) 446 bertarikh 3 November 2005 | 16 Mei 2006  |

| <b><u>TAHUN</u></b><br><b><u>2006</u></b> | <b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>  | <b><u>TARIKH</u></b><br><b><u>DIBENTANGKAN</u></b> |
|---|--|--|
| ST.62                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.59) 2005<br>-P.U.(A) 447 bertarikh 3 November 2005                                    | 16 Mei 2006  |
| ST.63                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.60) 2005<br>-P.U.(A) 454 bertarikh 10 November 2005                                   | 16 Mei 2006  |
| ST.64                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.61) 2005<br>-P.U.(A) 455 bertarikh 10 November 2005                                   | 16 Mei 2006  |
| ST.65                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.62) 2005<br>-P.U.(A) 456 bertarikh 10 November 2005                                   | 16 Mei 2006  |
| ST.66                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.63) 2005<br>-P.U.(A) 457 bertarikh 10 November 2005                                   | 16 Mei 2006  |
| ST.67                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.64) 2005<br>-P.U.(A) 458 bertarikh 10 November 2005                                   | 16 Mei 2006  |
| ST.68                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.65) 2005<br>-P.U.(A) 459 bertarikh 10 November 2005                                   | 16 Mei 2006  |
| ST.69                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.66) 2005<br>-P.U.(A) 460 bertarikh 10 November 2005                                   | 16 Mei 2006  |
| ST.70                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.67) 2005<br>-P.U.(A) 461 bertarikh 10 November 2005                                   | 16 Mei 2006  |
| ST.71                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.68) 2005<br>-P.U.(A) 462 bertarikh 10 November 2005                                   | 16 Mei 2006  |
| ST.72                                     | Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Pemerbadanan) (Pindaan) 2005<br>-P.U.(A) 472 bertarikh 17 November 2005 | 16 Mei 2006  |
| ST.73                                     | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2006-<br>P.U.(A) 2 bertarikh 5 Januari 2006   | 16 Mei 2006  |

| TAHUN<br>2006 | RISALAT/DOKUMEN  | TARIKH<br>DIBENTANGKAN |
|---------------|--|------------------------|
| ST.74         | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.2)<br>2006<br>-P.U.(A) 3 bertarikh 5 Januari 2006   | 16 Mei 2006            |
| ST.75         | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.3)<br>2006<br>-P.U.(A) 4 bertarikh 5 Januari 2006   | 16 Mei 2006            |
| ST.76         | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.4)<br>2006<br>-P.U.(A) 5 bertarikh 5 Januari 2006   | 16 Mei 2006            |
| ST.77         | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.5)<br>2006<br>-P.U.(A) 6 bertarikh 5 Januari 2006   | 16 Mei 2006            |
| ST.78         | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.6)<br>2006<br>-P.U.(A) 7 bertarikh 5 Januari 2006   | 16 Mei 2006            |
| ST.79         | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.7)<br>2006<br>-P.U.(A) 8 bertarikh 5 Januari 2006   | 16 Mei 2006            |
| ST.80         | Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.8)<br>2006<br>-P.U.(A) 9 bertarikh 5 Januari 2006   | 16 Mei 2006            |
| ST.81         | Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah<br>(Pengecualian) 2006<br>-P.U.(A) 16 bertarikh 12 Januari 2006  | 16 Mei 2006            |
| ST.82         | Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah<br>(Pengecualian) (No.2) 2006<br>-P.U.(A) 20 bertarikh 12 Januari 2006   | 16 Mei 2006            |
| ST.83         | Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah<br>(Pengecualian) (No.3) 2006<br>-P.U.(A) 23 bertarikh 16 Januari 2006   | 16 Mei 2006            |
| ST.84         | Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di Bawah<br>Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi<br>Komprehensif Antara ASEAN dan China) 2005<br>-P.U.(A) 346 bertarikh 22 September 2005 | 16 Mei 2006            |

| <u>TAHUN</u><br><u>2006</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u>   | <u>TARIKH</u><br><u>DIBENTANGKAN</u> |
|-----------------------------|--|--------------------------------------|
| ST.85                       | Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.4) 2005<br>-P.U.(A) 347 bertarikh 22 September 2005 | 16 Mei 2006                          |
| ST.86                       | Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.6) 2005<br>-P.U.(A) 419 bertarikh 20 Oktober 2005   | 16 Mei 2006                          |
| ST.87                       | Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 2005 -<br>P.U.(A) 421 bertarikh 7 20 Oktober 2005  | 16 Mei 2006                          |
| ST.88                       | Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.3) 2005 -<br>P.U.(A) 422 bertarikh 20 Oktober   | 16 Mei 2006                          |
| ST.89                       | Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di BawahPerjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif Antara ASEAN dan China) (Pindaan) 2005<br>-P.U.(A) 474 bertarikh 17 November 2005                     | 16 Mei 2006                          |
| ST.90                       | Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal DariNegeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.7) 2005<br>-P.U.(A) 507 bertarikh 22 Disember 2005   | 16 Mei 2006                          |
| ST.91                       | Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 2005 -<br>P.U.(A) 508 bertarikh 22 Disember 2005   | 16 Mei 2006                          |
| ST.92                       | Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di BawahProgram Early Harvest) (Perjanjian Perdagangan Bebas Antara Malaysia Dan Republik Islam Pakistan) 2005<br>-P.U.(A) 515 bertarikh 31 Disember 2005            | 16 Mei 2006                          |
| ST.93                       | Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.8) 2005<br>-P.U.(A) 521 bertarikh 31 Disember 2005  | 16 Mei 2006                          |

| <b><u>TAHUN</u></b><br><b><u>2006</u></b> | <b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>   | <b><u>TARIKH</u></b><br><b><u>DIBENTANGKAN</u></b> |
|---|---|--|
| ST.94                                     | Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.9) 2005<br>-P.U.(A) 522 bertarikh 31 Disember 2005 | 16 Mei 2006  |
| ST.106                                    | Akta Pinjaman Luar Negeri 1963<br>-Perintah Pinjaman Luar Negeri<br>(Had Pinjaman Di Sisi Undang-Undang) 2006   | 16 Mei 2006  |
| ST.107                                    | Akta Perbadanan Kerajaan 1983<br>-Perintah Pendanaan Kerajaan<br>(Had Pinjaman Statutori) 2006  | 16 Mei 2006  |
| ST.124                                    | Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan raya) (Pindaan) 2006   | 16 Mei 2006  |
| ST.125                                    | Peraturan-peraturan Pilihan raya (Pengundian Pos) (Pindaan) 2006  | 16 Mei 2006  |
| ST.33                                     | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)   | 17 Mei 2006  |
| ST.120                                    | Laporan Tahunan Insurans Bagi Tahun 2005  | 17 Mei 2006  |
| ST.121                                    | Laporan Tahunan Takaful Bagi Tahun 2005   | 17 Mei 2006  |